



**AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
WILAYAH TENGAH**

**KENYATAAN SEBUT HARGA  
JBPM/ABPMWTGH:SH11/2025**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB Malaysia** dalam Gred **G1**, Kategori **ME** dengan Pengkhususan **M15** serta mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kearajaan (SPKK) oleh CIDB Sijil Perolehan Kerja Kerjaan (SPKK) oleh CIDB dan Sijil Taraf Bumiputra (STB) oleh Pusat Khidmat Kontraktor berdaftar dengan CIDB Malaysia dibawah kategori dan kepakaran yang sama di atas.

<b>No. Sebut Harga</b>	<b>Tajuk Sebut Harga</b>	<b>Kelayakan</b>	<b>Tarikh, Masa Dan Tempat Taklimat</b>
<b>Tarikh Iklan 12.02.2025</b>  <b>Tarikh Tutup 24.02.2025</b>	<b>Kerja-Kerja Membekal, Memasang, Mengujiterima Serta Memberi Jaminan Untuk Sistem LPG Berpusat Bagi Simulator Di Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah Bagi Tahun 2025</b>	<b>G1, ME, M15</b>	<b><u>Taklimat Dan Lawatan Tapak</u></b>  <b>17.02.2025</b> <b>Isnin</b> <b>10.30 Pagi</b> <b>Dewan Cemerlang, ABPM Wilayah Tengah, Kuala Kubu Bharu, Selangor.</b>

2. Sijil Asal STB, SSM dalam kod bidang seperti di atas yang masih sah tempoh.
3. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi dan memenuhi seperti arahan kepada penyebut harga Bil.**JBPM/ABPMWTGH:SH11/2025** dokumen sokongan hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen Sebut Harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di Pejabat Cawangan Pengurusan, Tingkat 3, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Kubu Bharu sebelum atau pada pukul **12.00 tengah hari, 24 Februari 2025** Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

4. Bagi taklimat sebut harga, hanya penama yang tercatat dalam sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ dan Wakil Penama yang diturunkan kuasa oleh Pemilik Lesen yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.
5. Untuk maksud ini kontraktor hendaklah membawa bersama **SIJIL ASAL** dan **SALINAN** bagi:-
  - i. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)
  - ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
  - iii. Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB)
6. Dokumen sebut harga yang **LEWAT** tidak akan dipertimbangkan.
7. Kontraktor adalah perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga bagi kerja-kerja penyelenggaraan ini. Kontraktor perlu mengemukakan **Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Gas** sekurang-kurangnya **Kelas B** yang sah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga di bawah peraturan bekalan gas 1997.

\*Sila kemukakan satu (1) salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor Gas. **(MANDATORI)** ketika sesi pendaftaran pada hari taklimat dan lawatan tapak.

8. Kerja-kerja penggantian paip gas perlu dilaksanakan oleh kontraktor yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga dan Orang Yang Kompeten Gas. Kontraktor **wajib** memenuhi syarat dengan melantik Orang Kompeten Jurugegas Gas Berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.

\*Sila kemukakan satu (1) salinan Sijil Perakuan Kekompetenan Jurugegas Gas. **(MANDATORI)** ketika sesi pendaftaran pada hari taklimat dan lawatan tapak.